

NO. SOALAN: 49

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR
[LEMBAH PANTAI]**

TARIKH : 15 NOVEMBER 2017

RUJUKAN : 10336

SOALAN:

**Puan Nurul Izzah Binti Anwar [Lembah Pantai] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan :-**

- (a) berapakah jangkaan dapatan negara daripada levi yang bakal dikenakan ke atas pekerja asing yang berkhidmat di sektor swasta;
- (b) rancangan/langkah levi ini disalurkan balik kepada syarikat-syarikat swasta sebagai insentif untuk menggajikan pekerja tempatan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan komited dalam usaha meningkatkan penyertaan tenaga kerja tempatan dalam pasaran pekerjaan negara dan merealisasikan hasrat Kerajaan untuk mengehendkan penggajian pekerja asing kepada 15 peratus daripada guna tenaga negara sepertimana yang dinyatakan dalam RMK11.

Kerajaan menyambut baik cadangan YB Lembah Pantai namun cadangan ini perlu dikaji secara komprehensif mengambil kira faktor penggunaan kutipan levi untuk memenuhi keperluan lain melibatkan negara dan rakyat.

Sebagai langkah mengutamakan penggajian pekerja tempatan, Kerajaan akan melaksanakan kadar baharu bayaran levi secara progresif mengikut bilangan pekerja asing yang diperlukan oleh majikan pada tahun 2019. Pelaksanaan mekanisme ini akan mengurangkan kebergantungan industri terhadap pekerja asing ekoran daripada kos pengambilan pekerja asing yang tinggi. Selain itu, pelaksanaan mekanisme ini juga secara langsung akan menggalakkan peralihan industri ke arah mekanisasi dan automasi.